



**GARIS PANDUAN
ANUGERAH KEGEMILANGAN JPA
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
TAHUN 2011**

I. LATAR BELAKANG

Anugerah Kegemilangan JPA (AKJPA) mula diperkenalkan pada Tahun 2010 berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Pasukan Petugas Kualiti dan Produktiviti JPA Bil. 2/2010. Sebelum ini, ianya dikenali sebagai Anugerah Kualiti Jabatan Perkhidmatan Awam.

Anugerah Kegemilangan JPA adalah merupakan pengiktirafan dan penghargaan tertinggi yang diberikan oleh JPA kepada Bahagian yang mencapai tahap pengurusan kualiti dan inovasi yang sangat cemerlang. Pemberian anugerah ini adalah sebahagian daripada aktiviti utama di bawah Program Kualiti dan Inovasi Tahunan JPA. Pemilihan pemenang dan Majlis Penyampaian Anugerah ini dilakukan secara tahunan di dalam Majlis Sambutan Hari Inovasi JPA.

II. TUJUAN

Anugerah Kegemilangan JPA diwujudkan bertujuan untuk:

- a) Menggalak dan meningkatkan kesedaran tentang kualiti dan inovasi dalam JPA;
- b) Memberi pengiktirafan secara formal kepada Bahagian yang telah mencapai tahap pengurusan kualiti dan inovasi yang sangat cemerlang;

- c) Menggalakkan persaingan yang sihat antara Bahagian di JPA ke arah memperbaiki dan menambahbaik pengurusan kualiti dan inovasi Bahagian;
- d) Membolehkan Bahagian membuat penilaian terhadap tahap kecemerlangan Bahagian masing-masing serta mengetahui kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan yang perlu dilakukan untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan; dan
- e) mempersiapkan JPA untuk penilaian penarafan bintang (SSR) yang akan dilaksanakan oleh MAMPU.

III. BENTUK ANUGERAH

Pemenang-pemenang Anugerah Kegemilangan JPA (AKJPA) akan menerima hadiah-hadiah seperti berikut:

Kedudukan	Hadiah
Tempat Pertama	<ul style="list-style-type: none">- Piala Pusingan- Hadiah Wang Tunai berjumlah RM5,000- Sijil Penghargaan
Tempat Kedua	<ul style="list-style-type: none">- Hadiah Wang Tunai berjumlah RM3,000- Sijil Penghargaan
Tempat Ketiga	<ul style="list-style-type: none">- Hadiah Wang Tunai berjumlah RM2,000- Sijil Penghargaan

IV. TATACARA PEMILIHAN

Semua Bahagian **diwajibkan** menyertai anugerah ini. Jadual pelaksanaan adalah seperti berikut:

- a) Lawatan Panel Hakim ke Bahagian-bahagian:

21 dan 22 November 2011

- b) Pengumuman Pemenang Anugerah Kegemilangan JPA :

Sambutan Hari Inovasi JPA 8 Disember 2011

- c) Kriteria penilaian yang akan digunakan adalah berdasarkan wajaran markah seperti berikut:

BIL	PERKARA	WAJARAN
1	Kriteria Penilaian Star Rating	70%
2	Pencapaian Markah Anugerah KIK dan QES	20%
3	Lain-lain	10%

Kriteria Penilaian Star Rating yang akan digunakan adalah seperti di **Lampiran 1**

- d) Penilaian akan dibuat oleh Panel Hakim bebas yang akan dilantik oleh urus setia. Panel Hakim adalah terdiri daripada pegawai dari agensi luar iaitu seorang Pengerusi dan dua orang ahli.

Sebarang pertanyaan boleh ditujukan kepada:

Urus setia
Anugerah Kegemilangan JPA
Sektor Pengurusan Inovasi
Bahagian Khidmat Pengurusan
Aras 11, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P Putrajaya
E-mel : q.bkp@jpa.gov.my

**KRITERIA PENILAIAN STAR RATING
ANUGERAH KEGEMILANGAN JPA
TAHUN 2011**

Bahagian: _____

Bil.	Kriteria		Sub-Kriteria		Wajaran	Penerangan
					100.00	
A	Pengurusan				50.00	
A1	Pengurusan Organisasi				12.00	
	A1.1	Pengurusan Strategik			2.00	
		a.		Adakah Pelan Strategik Agensi disediakan?	1.00	Ciri-ciri (7 ciri utama adalah seperti yang digariskan) : <u>visi</u> , <u>misi</u> , moto, nilai teras, peranan, <i>stakeholder</i> , pelanggan, <u>teras strategik</u> , <u>strategi</u> , <u>pelan tindakan</u> , <u>petunjuk prestasi</u> dan <u>sasaran pencapaian</u> .
		b.		Tempoh Pelan Strategik disediakan.	0.25	Tempoh Pelan Strategik disediakan dalam masa 3 tahun
		c.		Status Pelaksanaan dan Pemantauan		
		i.		Apakah tahap kesedaran mengenai program/aktiviti yang dirancang?	0.25	Penilaian yang dibuat bergantung kepada <u>penerangan maklumat pelan strategik</u> , bukan kepada pengedaran pelan tersebut kepada warga agensi
		d.		Adakah Kajian Semula Pelan Strategik telah diadakan?	0.50	Sebutkan tarikh dan nyatakan hasilnya.
	A1.2	Program Perekayasaan Proses Kerja (PPPK)			2.00	
		a.		Skop program perekayasaan proses kerja	0.30	PPPK merupakan satu perubahan asas pemikiran dan rekabentuk semula proses dan prosedur kerja secara radikal bagi meningkat kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan. Ia melibatkan perubahan budaya kerja di semua peringkat proses dan prosedur kerja bagi mencapai prestasi yang lebih tinggi dari aspek kos, kualiti, perkhidmatan dan masa. Nyatakan bilangan yang melibatkan proses utama yang terlibat

Bil.	Kriteria			Sub-Kriteria	Wajaran	Penerangan
					100.00	
		b.		Pemantauan program perekruteraan proses kerja ke arah peningkatan produktiviti organisasi	0.40	Mekanisma pemantauan merujuk kepada pelan pemantauan dan pelaksanaan tindakan susulan
		c.		Keberkesanan program perekruteraan proses kerja		
			i.	Kekerapan membuat penilaian keberkesanan	0.20	Keberkesanan penilaian PPPK hendaklah mengukur penambahbaikan aspek-aspek seperti kos, kualiti, perkhidmatan dan masa penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan
			ii.	Promosi program perekruteraan proses kerja	0.20	Promosi PPPK boleh dilaksanakan melalui bahan-bahan percetakan dan media elektronik serta meliputi semua proses dan prosedur kerja yang terlibat
			iii.	Tahap keberkesanan PPPK	0.40	Berdasarkan kajian soal selidik yang dibuat oleh agensi bagi mengukur faedah PPPK
		d.		Usaha-usaha mengurangkan kerenah birokrasi		
			i.	Adakah usaha-usaha penambahbaikan berkaitan pengurangan kerenah birokrasi dilaksanakan?	0.30	Laporkan usaha-usaha penambahbaikan yang dilaksanakan untuk mengurangkan kerenah birokrasi seperti semakan semula sistem dan prosedur kerja serta penggunaan ICT sebagai <i>enabler</i> untuk memudahkan sesuatu urusan dengan memberi keutamaan kepada pelanggan agensi. Rujuk kepada Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 Gerakan pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan: Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus bagi menggantikan Pasukan Petugas Bagi Mengurangkan Kerenah Birokrasi mulai 20 November 2009.
			ii.	Adakah penilaian keberkesanan usaha-usaha penambahbaikan dilaksanakan?	0.20	Nyatakan tarikh dan hasil kajian yang dijalankan untuk memastikan sama ada sesuatu usaha penambahbaikan yang dilaksanakan memberi faedah dari segi kos, masa atau peningkatan produktiviti.

Bil.	Kriteria			Sub-Kriteria	Wajaran	Penerangan
					100.00	
	A1.3			Usaha-usaha Ke Arah Pembudayaan Kualiti/Inovasi	3.00	
		a.		Program penambahbaikan kualiti/inovasi yang dilaksanakan		
			i.	Adakah mekanisme pelaksanaan dan pemantauan program kualiti/inovasi diwujudkan?	0.10	
			ii.	Program kualiti yang dilaksanakan.	0.10	Contoh program mandatori : Ceramah Q, Hari Kualiti, KMK . Contoh program bukan mandatori : Debat, <i>Info Hunt</i> , Kuiz, Kempen Membaca, Amalan 5S, Program-program Inovasi yang dilaksanakan
			iii.	Program-program Inovasi dilaksanakan	0.10	<u>Tafsiran inovasi</u> sebagai <u>cetusan idea-idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan</u> di mana idea tersebut boleh bersifat radikal atau <i>incremental</i> serta diperolehi secara dalaman, luaran atau melalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D). Pendekatan-pendekatan yang boleh digunakan oleh jabatan/agensi dalam melaksanakan inovasi merangkumi struktur organisasi, penurunan kuasa/empowerment, integrasi perkhidmatan, pemantapan proses kerja, kawal selia, pengukuran prestasi, perkongsian/engagement, penyampaian perkhidmatan alternatif, <i>community outreach</i> ; dan penjenamaan semula imej, fungsi dan perkhidmatan sedia ada;
			iv.	Amalan baik organisasi yang boleh dicontohi oleh organisasi lain	0.20	Agensi hendaklah membekalkan maklumat mengenai amalan-amalan baik yang telah dilaksanakan, faedah-faedah yang diperolehi serta pegawai yang boleh dihubungi

Bil.	Kriteria			Sub-Kriteria	Wajaran	Penerangan
					100.00	
		b.		MS ISO 9001		
			i.	Apakah status pelaksanaan MS ISO 9001?	0.40	Nyatakan peringkat pelaksanaan MS ISO 9001 serta tahap pendedahan warga agensi mengenai pelaksanaan MS ISO 9001: - Telah dipersijilkan; atau - Dalam pelaksanaan (penubuhan struktur mekanisme pelaksanaan, dokumentasi, audit dalaman)
			ii.	Nyatakan sama ada skop persijilan merangkumi keseluruhan proses-proses utama atau sebahagian daripada proses-proses utama agensi.	0.20	Senaraikan proses utama yang dipersijilkan. Tempoh sah laku persijilan.
		c.		Adakah tindakan diambil untuk memantapkan dokumen Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja (FM)?		
			i.	MPK dikemas kini.	0.20	Tarikh pengemaskinian MPK atau Manual Kualiti yang didokumenkan atau dinyatakan dengan jelas. Sekiranya agensi telah melaksanakan MS ISO 9001 secara keseluruhan, dokumen Manual Kualiti boleh diterima sebagai alternatif kepada dokumen MPK.
			ii.	FM dikemas kini.	0.20	Dapatkan sampel FM untuk pengesahan pengemaskinian. Sampel untuk penyemakan FM ialah sebanyak 10% / minimum 30 sampel daripada jumlah anggota organisasi. Pemilihan sampel akan dibuat secara rawak.
			iii.	Apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan tahap penggunaan MPK dan FM oleh warga organisasi?	0.10	Nyatakan kaedah dan kekerapan penggunaan MPK dan FM oleh pihak pengurusan serta warga organisasi

Bil.	Kriteria			Sub-Kriteria	Wajaran	Penerangan
					100.00	
		d.		Pengiktirafan	1.40	<p><i>*sekiranya agensi telah mendapat pengiktirafan tertinggi (johan) di peringkat antarabangsa [A1.3(d)iv], agensi akan mendapat markah penuh di pengiktirafan peringkat Negeri/Kementerian [A1.3(d)i] dan kebangsaan [A1.3(d)ii]</i></p> <p><i>*sekiranya agensi telah mendapat pengiktirafan bukan berbentuk pertandingan di peringkat antarabangsa [A1.3(d)v], agensi akan mendapat markah penuh di pengiktirafan bukan berbentuk pertandingan di peringkat bukan antarabangsa [A1.3(d)iii]</i></p>
				Bukan peringkat antarabangsa		
		i.		Nyatakan tahap / jenis pengiktirafan berbentuk pertandingan yang diperoleh di peringkat Negeri/Kementerian	0.20	Sediakan salinan sijil / surat pengiktirafan.
		ii.		Nyatakan tahap / jenis pengiktirafan berbentuk pertandingan yang diperoleh di peringkat kebangsaan	0.20	Sediakan salinan sijil / surat pengiktirafan.
		iii.		Pengiktirafan bukan berbentuk pertandingan	0.20	Pengiktirafan merujuk kepada pengiktirafan yang diterima oleh agensi
				Peringkat antarabangsa		
		iv.		Nyatakan tahap / jenis pengiktirafan bentuk pertandingan yang diperoleh di peringkat antarabangsa	0.40	Sediakan salinan sijil / surat pengiktirafan.
		v.		Pengiktirafan bukan berbentuk pertandingan	0.40	Sediakan salinan sijil / surat pengiktirafan.
	A1.4	Usaha Ke Arah Mewujudkan Hubungan Harmoni Majikan Dan Anggota Organisasi			2.00	
		a.		Adakah pelaksanaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) berpandukan ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang berkaitan? Nyatakan tarikh	0.30	Penilaian adalah berdasarkan kepada pelaksanaan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 - "Majlis Bersama Jabatan Di Kementerian/Jabatan/Pihak Berkuasa Badan

Bil.	Kriteria			Sub-Kriteria	Wajaran	Penerangan
					100.00	
				penubuhan dan bilangan mesyuarat MBJ yang diadakan		Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan ". Semakan dokumen dibuat berdasarkan minit mesyuarat dan pelaporan kepada pihak JPA.
		b.		Program-program utama yang diadakan bagi mewujudkan hubungan harmoni (Contoh: Hari Keluarga/Hari Sukan, Perhimpunan Bulanan, Hari Perayaan, Kursus Kekitaan dan lain-lain)	0.30	Sediakan salinan dokumen seperti surat, memo, email panggilan serta laporan pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut.
		c.		Kepuasan Pekerja		Kajian Kepuasan Pekerja agensi perlu dilaksanakan melalui kajian soal selidik
			i.	Peratusan liputan kajian kepuasan pekerja (<i>Staff Satisfaction Survey</i> (SSS)) dilaksanakan.	0.40	
			ii.	Apakah hasil pelaksanaan SSS tersebut? Nyatakan tahap kepuasan pekerja yang dicapai.	0.50	Hasil kajian kepuasan pekerja sepertimana yang dibentangkan dalam mesyuarat
			iii.	Peratus tindakan susulan yang telah diambil	0.50	Tindakan-tindakan yang diambil berdasarkan kepada keputusan mesyuarat .
	A1.5	Organisasi Pembelajaran			1.00	
						<i>A learning organisation is an organisation that prioritises learning. The organisation as a whole is committed to continual improvements of every facet of itself, its products and its services;</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>An organisation where learning is a process, not an event;</i> • <i>Cooperation is the foundation of all relationship;</i> • <i>The organisation is creative; and</i> • <i>Focus of organisational learning is on work products, work processes, teamwork, customers, systems thinking and mental models.</i>
		a.		Adakah agensi/jabatan membudayakan program peningkatan ilmu?	0.20	Program pembudayaan ilmu dilaksanakan secara berstruktur di mana terdapat pemantauan terhadap program-program berkenaan serta laporan secara

Bil.	Kriteria			Sub-Kriteria	Wajaran	Penerangan
					100.00	
						berkala
		b.		Program-program dilaksanakan secara sistematik.	0.40	Program seperti <i>Knowledge Sharing</i> (melibatkan topik berkaitan peningkatan profesionalisme serta kekerapan membuat pinjaman buku dari perpustakaan), <i>Knowledge Management</i> .
		c.		Skop liputan program	0.40	
	A1.6	Pengurusan Risiko			1.00	
						Pelan pengurusan risiko hendaklah menjurus ke arah memastikan objektif strategik organisasi boleh dicapai sepertimana yang dirancangkan. Agensi perlu mewujudkan pelan pengurusan risiko yang khusus bagi perkara ini. i) Menilai tahap risiko yang mungkin dihadapi oleh agensi. ii) Membangunkan pelan pengurusan risiko (<i>Business Continuity Plan</i>). iii) Mewujudkan pelan komunikasi untuk menerangkan pelan pengurusan risiko. iv) Menilai keberkesanan pengurusan risiko.
		a.		Adakah agensi mempunyai pelan pengurusan risiko?	0.30	Perkara-perkara yang menghalang pencapaian matlamat/KPI agensi.
		b.		Liputan pelan pengurusan risiko.	0.30	Tahap liputan pengurusan risiko berdasarkan pelan tindakan pengurusan risiko
		c.		Tahap pemantauan	0.40	Mempunyai struktur yang khusus untuk melapor dan menilai pengurusan risiko agensi
	A1.7	Pemantauan Keputusan Pengurusan			1.00	
		a.		Sistem pemantauan pelaksanaan keputusan/arahan penting <i>stakeholders</i>	0.30	<i>Public Service Digital Dashboard</i> (PSDD)
		b.		Pelaksanaan	0.20	
		c.		Pemantauan kaedah pelaksanaan	0.20	

Bil.	Kriteria		Sub-Kriteria	Wajaran	Penerangan
				100.00	
		d.	Nyatakan peratusan minit mesyuarat utama yang dikeluarkan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh mesyuarat	0.10	Rujuk PKPA Bil. 2 1991: Panduan Pengurusan Mesyuarat "Draf minit untuk kelulusan Pengerusi hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi jawatankuasa untuk mendapat persetujuan tidak lewat dari 3 hari bekerja selepas tarikh mesyuarat diadakan. Minit mesyuarat yang telah diluluskan oleh Pengerusi mesyuarat hendaklah diedarkan kepada ahli-ahli mesyuarat tidak lewat dari satu minggu selepas tarikh mesyuarat diadakan."
		e.	Nyatakan peratusan minit mesyuarat utama yang dikeluarkan dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh mesyuarat	0.20	
A2	Pengurusan Kewangan			11.00	Sekiranya laporan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan, Jabatan Audit Negara tahun 2009 merangkumi agensi berkenaan, markah penilaian kriteria Pengurusan Kewangan akan ditetapkan berdasarkan penarafan bintang yang diperolehi oleh agensi berkenaan
	A2.1	Bayaran Dalam Tempoh 14 Hari		1.50	
		i.	Nyatakan bilangan/peratus pembayaran bil yang telah dibuat dalam tempoh 14 hari	1.00	Merujuk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2006 - Pindaan Ke Atas Arahan Perbendaharaan 103 . Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat hendaklah memastikan bahawa bil dan tuntutan dibayar dengan segera tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh ianya diterima. Tuntutan-tuntutan adalah termasuk invois, borang perakuan bayaran (Borang Perakuan Bayaran Siri JKR 66) dan inden kerja sama ada di bawah Peruntukan Mengurus, Pembangunan, Tanggungan atau Amanah. Penilaian Tahun 2009
		ii.	Nyatakan bilangan/peratus pembayaran bil dalam tempoh 7 hari	0.50	Markah tambahan bagi pencapaian prestasi pembayaran dalam tempoh 7 hari.

Bil.	Kriteria		Sub-Kriteria		Wajaran	Penerangan	
					100.00		
	A2.2	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA)				2.50	
			i.	Nyatakan kekerapan mesyuarat JPKA bersidang dan tarikh terakhir bersidang	0.50	Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 2008 - Penubuhan, Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Kewangan dan Akaun (JPKA) di Agensi Kerajaan Persekutuan dan penilaian berdasarkan tahap pelaksanaan jabatan ke atas ketetapan/terma rujukan pekeling tersebut. Terma rujukan pekeling meliputi: i. Menjelaskan mengenai penubuhan, peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) di semua agensi kerajaan; ii. Menetapkan format penyediaan laporan JPKA yang seragam dan menyeluruh; dan iii. Memantapkan keberkesanan dan pemantauan tadbir urus JPKA secara menyeluruh bagi mengenal pasti, menangani serta mengurangkan isu pengurusan kewangan dan akaun	
			ii.	Nyatakan sama ada JPKA dipengerusi oleh Ketua Jabatan / Timbalan Ketua Jabatan atau pegawai lain?	0.50	Sediakan salinan minit mesyuarat	
			iii.	Bilangan laporan JPKA dikemukakan kepada KSU / Perbendaharaan?	1.00	Sediakan salinan surat dan laporan untuk tujuan pengesahan. Pastikan laporan dihantar mengikut tarikh yang ditetapkan	

Bil.	Kriteria		Sub-Kriteria	Wajaran	Penerangan
				100.00	
		iv.	Adakah laporan tahunan dikemukakan ke KSU / Perbendaharaan, agensi Kewangan sebelum tarikh yang ditetapkan bagi:- (i) Laporan Harta Modal dan Inventori; (ii) Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Inventori; dan (iii) Laporan Pelupusan Aset Alih. (iv) Laporan Tindakan Surcaj/ Tatatertib (sekiranya ada) (v) Laporan Kehilangan/ Hapus Kira Aset Alih (sekiranya ada)	0.50	Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 - Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan . Sediakan salinan surat dan laporan untuk tujuan pengesahan.
	A2.3	Pengurusan Aset		1.70	
		a.	Adakah mekanisme Pengurusan Aset diwujudkan?	0.50	Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 - Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan .
		b.	Adakah surat pelantikan dikeluarkan bagi: (i) Pegawai Aset di peringkat agensi / Pusat Tanggungjawab (PTJ); (ii) Pegawai-pegawai menjalankan pemeriksaan ke atas aset; (iii) Lembaga Pemeriksa bagi melaksanakan pelupusan aset; dan (iv) Jawatankuasa Penyiasat bagi menyiasat kes kehilangan aset (jika ada)	0.70	Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 - Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan .
		c.	Nyatakan sama ada JKPAK dipengerusi oleh Timbalan Ketua Jabatan atau pegawai lain?	0.50	Sediakan surat penubuhkan JKPAK serta keahlian mesyuarat

Bil.	Kriteria		Sub-Kriteria	Wajaran	Penerangan
				100.00	
	A2.4	Tindakan Ke Atas Laporan Audit		1.50	
		a.	Nyatakan tempoh masa yang diambil untuk memberikan maklum balas terhadap teguran audit tersebut.	0.50	Sediakan salinan surat maklum balas terhadap teguran Audit. Perlu ambil kira tempoh maklum balas yang diberikan oleh pihak Audit (sekiranya ada)
		b.	Apakah status tindakan penyelesaian terhadap teguran di dalam Laporan Audit Negara tersebut?	1.00	Sediakan salinan surat maklum balas terhadap teguran Audit.
	A2.5	Pemeriksaan Mengejut		0.50	
		a.	Adakah pemeriksaan mengejut dijalankan setiap 6 bulan terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain untuk wang dalam jagaan seseorang pegawai dalam organisasinya, yang diamanahkan dengan penyimpanan wang awam, setem, atau barang-barang lain yang berharga yang berkenaan? Nyatakan tarikh pemeriksaan dan hasil penemuan.	0.50	Arahan Perbendaharaan (AP) 309 - pemeriksaan dibuat 6 bulan sekali. Gunakan sampel jika terdapat banyak panjar wang runcit.
	A2.6	Perolehan		1.30	
		a.	Berapakah peratus perbelanjaan bagi perolehan berbanding dengan peruntukan yang diluluskan?	0.20	Rujuk maklumat mengenai peruntukan perolehan melalui OS35000
		b.	Apakah tahap liputan kajian analisis prestasi pembekal?	0.20	
		c.	Apakah tahap liputan kajian pasaran dijalankan bagi menentukan harga yang ditawarkan adalah munasabah?	0.20	Rujuk Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 2007
		d.	Apakah tahap pemeriksaan terhadap aset yang telah diterima sebelum tamat tempoh jaminan?	0.20	Samakan dibuat terhadap Kad Inventori Harta Modal Bagi pemeriksaan dalam tempoh jaminan.
		e.	Adakah maklumat urusan perolehan berikut dipaparkan di laman web/portal?		
		i.	Mengenai projek yang dirancangkan	0.10	
		ii.	Senarai nama pembekal yang berjaya	0.10	

Bil.	Kriteria			Sub-Kriteria	Wajaran	Penerangan
					100.00	
			iii.	Tempoh kontrak	0.10	
		f.		Apakah peratus / tahap pelaksanaan ePerolehan?	0.20	Semakan dibuat berdasarkan laporan daripada Syarikat Commerce.com
	A2.7	Prestasi Perbelanjaan			1.50	
		a.		Apakah prestasi perbelanjaan Bajet Mengurus ?	0.75	Tahun Penilaian 2009 termasuk tanggungan
		b.		Apakah prestasi perbelanjaan Bajet Pembangunan?	0.75	Tahun Penilaian 2009 termasuk tanggungan
	A2.8	Inisiatif Mengurangkan Pembaziran			0.50	
		a.		Adakah inisiatif-inisiatif yang diambil sebagai langkah memantapkan amalan belanja berhemat?	0.50	Rujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2008 - Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Secara Berhemat. Contoh - Kawalan Perbelanjaan (Peranan Unit Audit Dalam, perbelanjaan mengikut peruntukan yang diluluskan); Elaun Lebih Masa (ada arahan bertulis sebelum kerja lebih masa dijalankan); Penjimatan Penggunaan Utiliti (Air, elektrik, alat perhubungan); Penganjuran Persidangan / Mesyuarat / Kursus (menggunakan premis sesuai dengan matlamat program, kos perbelanjaan pada tahap sederhana).
A3	Pengurusan Sumber Manusia				11.00	
	A3.1	Dasar/Strategi Pengurusan Sumber Manusia			2.00	
		a.		Adakah Pelan Strategik Sumber Manusia yang komprehensif disediakan?	1.00	5 ciri Pelan Strategik Sumber Manusia yang komprehensif: 1. Pengambilan 2. Penempatan 3. Pembangunan Kerjaya 4. Latihan 5. Pengiktirafan dan Penghargaan
		b.		Apakah tahap liputan pegawai dalam Pelan Strategik Sumber Manusia?	0.50	Penilaian terhadap tahap liputan pegawai dalam Pelan Strategik Sumber Manusia.
		c.		Adakah pelaksanaan program / aktiviti mengikut Pelan Strategik Sumber Manusia?	0.50	Sediakan salinan dokumen mengenai pelaksanaan program/aktiviti yang ditetapkan dalam pelan strategik

Bil.	Kriteria			Sub-Kriteria	Wajaran	Penerangan
					100.00	
						sumber manusia.
	A3.2	Pengurusan Panel Pembangunan Sumber Manusia			2.50	
		a.		Keberkesanan Panel Pembangunan Sumber Manusia		Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 - Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005 - Pelaksanaan Pelan Latihan Sumber Manusia Sektor Awam bagi menilai keberkesanan pelaksanaan subkriteria-subkriteria di bawah aspek ini.
			i.	Adakah Panel Pembangunan Sumber Manusia dikendalikan oleh organisasi bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan pengurusan sumber manusia?	0.20	Sediakan salinan minit mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia yang berkaitan untuk semakan.
			ii.	Nyatakan sama ada liputan perbincangan merangkumi semua aspek fungsi sumber manusia khususnya pengambilan, penempatan, pembangunan kerjaya, latihan, pengiktirafan dan penghargaan dan lain-lain.	0.20	Sediakan salinan minit mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia yang berkaitan untuk semakan.
		b.		Pelan Operasi Latihan (POL)		
			i.	Nyatakan sama ada <i>Training Need Analysis</i> (TNA) telah disediakan dan dilaksanakan melalui kaedah yang komprehensif dan sistematik atau dilaksanakan secara <i>ad-hoc</i> .	0.30	Sediakan dokumen mengenai jawatankuasa yang terlibat dan proses penyediaan TNA seperti berikut: 1. Kenal pasti masalah dalam prestasi warga organisasi 2. Menetapkan prioriti masalah dalam prestasi berdasarkan sumber sedia ada. 3. Analisis ke atas kompetensi dari segi kemahiran, kebolehan dan sikap. 4. Menyediakan program latihan yang diperlukan (POL). <i>Enchanced the TNA program - bukan setakat ada dan tiada sahaja</i>

Bil.	Kriteria		Sub-Kriteria		Wajaran	Penerangan
					100.00	
			ii.	Adakah pelaksanaan latihan mengikut POL yang ditetapkan? Nyatakan peratus pelaksanaan.	0.30	Sediakan salinan laporan pelaksanaan POL bagi tahun 2009.
			iii.	Nyatakan peratus pematuhan kepada arahan latihan 7 hari bagi setiap warga organisasi.	0.30	Sediakan maklumat senarai pegawai dan kursus yang dihadiri.
			iv.	Adakah mekanisme pemantauan bagi pelaksanaan latihan untuk memastikan POL dilaksanakan dengan berkesan?	0.30	Sediakan maklumat mengenai mekanisme pemantauan yang digunakan seperti mesyuarat/borang yang ditetapkan.
			c.	Keberkesanan Latihan		
			i.	Adakah kajian keberkesanan latihan dijalankan untuk menilai tahap kompetensi kakitangan sebelum dan selepas menghadiri latihan?	0.30	Sediakan salinan laporan kursus oleh pegawai yang telah menghadiri kursus. Nyatakan mekanisme digunakan untuk menilai tahap kompetensi pegawai seperti laporan oleh penyelia secara berkala.
			d.	<i>Mentoring</i>		
			i.	Adakah struktur dan program <i>mentoring</i> yang dilaksanakan secara sistematik atau <i>ad-hoc</i> ?	0.20	Sediakan salinan maklumat sesi <i>mentoring</i> seperti senarai <i>mentor-mentee</i> , jadual pelaksanaan <i>mentoring</i> serta rekod perjalanan sesi <i>mentoring</i> yang berkenaan. Contoh: log book mengenai program <i>mentoring</i>
			ii.	Apakah tahap liputan (<i>coverage</i>) warga organisasi di dalam program <i>mentoring</i> (keseluruhan organisasi/Bahagian/Seksyen)?	0.20	Sediakan salinan maklumat mengenai tahap liputan warga organisasi di dalam <i>mentoring</i>
			iii.	Adakah Agensi mengukur tahap keberkesanan pelaksanaan program <i>mentoring</i> ?	0.20	Sediakan salinan laporan mengenai penilaian keberkesanan program <i>mentoring</i>

Bil.	Kriteria		Sub-Kriteria	Wajaran	Penerangan
				100.00	
	A3.3	Pelan Penggantian		1.50	
			Adakah Pelan Penggantian bagi jawatan-jawatan strategik dilaksanakan seperti yang digariskan dalam pekeliling yang berkaitan?		Rujuk Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2006 - Panduan Mewujudkan Search Committee dan Proses Pelaksanaan Pelan Penggantian Pelan Penggantian meliputi peringkat-peringkat pelaksanaan seperti berikut: 1. Pengenalpastian (Demografi jabatan mengenai perjawatan, gred dan kekananan pegawai, hala tuju jabatan, keperluan kompetensi) 2. Penilaian (perbandingan kemahiran yang ada dan yang diperlukan) 3. Pembangunan (kenal pasti pegawai berprestasi tinggi/rendah serta pelan tindakan bagi pembangunan diri pegawai yang berpotensi) 4. Pelaksanaan Pelan Penggantian 5. Kajian keberkesanan dan penambahbaikan
		a.	Struktur	0.20	
		b.	Program transformasi/pembangunan kepimpinan yang dilaksanakan		
		i.	Ketua Agensi/Jabatan	0.30	Mempunyai <i>self-development program</i>
		ii.	Barisan Kepimpinan Pelapis	0.30	<i>Mentoring, coaching, leadership courses</i>
		c.	Pencapaian program transformasi/pembangunan kepimpinan	0.40	
		d.	Adakah terdapat penilaian keberkesanan program transformasi/pembangunan kepimpinan	0.30	
	A3.4	Pengiktirafan/Penghargaan		1.00	
		a.	Adakah Garis Panduan / Dasar Program Pengiktirafan / Penghargaan yang spesifik disediakan? Contohnya APC, Anugerah Kebesaran dan lain-lain pengiktirafan.	0.40	Sediakan salinan Garis Panduan / Dasar Program Pengiktirafan / Penghargaan.

Bil.	Kriteria			Sub-Kriteria	Wajaran	Penerangan
					100.00	
		b.		Pelaksanaan		
			i.	Adakah inisiatif diambil untuk memperakukan warga organisasi secara terancang bagi penerimaan Pingat / Bintang?	0.40	Sediakan salinan senarai pegawai yang diperakukan.
			ii.	Tahap liputan (<i>coverage</i>) program-program pengiktirafan lain yang dilaksanakan? (contoh: program Personaliti Bulanan / Pekerja Contoh)	0.20	Sediakan salinan senarai personaliti/pekerja contoh.
	A3.5	Pengurusan Nilai Dan Etika			2.00	
		a.		Mempunyai Pelan Integriti Organisasi (PIO)	0.10	Untuk Mewujudkan <i>Value based Organisation</i>
		b.		Pelaksanaan PIO	0.20	Contoh: ESQ, Anugerah/Pengiktirafan Integriti, <i>Role Model</i> , ceramah penerapan integriti
		c.		Pemantauan PIO - mempunyai mekanisme	0.10	Mesyuarat atau minit mesyuarat
		d.		Keberkesanan PIO	0.20	Tindakan susulan terhadap hasil keberkesanan PIO
		e.		Usaha-usaha meningkatkan keutuhan pengurusan		Merujuk kepada Arahan Y.A.B Perdana Menteri No.1 Tahun 1998 - Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia yang meliputi penubuhan JKP di peringkat agensi serta melaksanakan tanggungjawab mengikut 8 terma yang telah digariskan serta kekerapan mengadakan mesyuarat JKP serta jadual penghantaran laporan kepada pihak berkuasa yang berkenaan. <i>Rujuk kepada Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 Gerakan pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan: Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus bagi menggantikan Pasukan Petugas Bagi Mengurangkan Karenah Birokrasi mulai 20 November 2009.</i>
			i.	Mekanisme/jawatankuasa	0.10	Sediakan salinan maklumat minit-minit mesyuarat JKP bagi tahun sebelum serta tahun semasa.
			ii.	Laporan JKP dikemukakan ke SPRM	0.20	Sediakan salinan laporan.

Bil.	Kriteria			Sub-Kriteria	Wajaran	Penerangan
					100.00	
			iii.	Program-program Kesedaran / Pencegahan yang dijalankan	0.10	Sediakan salinan program yang dilaksanakan.
		f.		Pengurusan Audit Nilai Nyatakan peratus Nilai Komposit yang diperoleh dari Audit Nilai yang dijalankan	0.20	Sediakan salinan dokumen yang berkaitan mengenai pelaksanaan Audit Nilai di agensi.
		g.		Pengurusan tata tertib		Bagi agensi yang tidak mempunyai kes-kes tata tertib, penilaian tidak dibuat (tiada unsur <i>penalty</i>)
			i.	Nyatakan tempoh penyelesaian bagi kes-kes tata tertib biasa (sekiranya ada)	0.30	Sediakan salinan senarai kes yang diselesaikan.
			ii.	Nyatakan peratus kes-kes tata tertib biasa yang tertunggak pada tahun semasa (sekiranya ada)	0.30	Sediakan salinan senarai kes yang tertunggak serta punca kelewatan tidak termasuk kes-kes mahkamah.
		h.		Nyatakan peratus warga organisasi yang telah mengisytiharkan harta	0.20	Sediakan salinan senarai pegawai yang telah mengisytiharkan harta
	A3.6	Program Kaunseling/Motivasi			1.00	
		a.		Program Kaunseling/Motivasi		
